

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 FEBRUARI 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 4

### PUNB terlibat sesi libat urus empat kluster KEB 2024

#### PUNB terlibat sesi libat urus empat kluster KEB 2024

**PUTRAJAYA** - Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) terlibat dalam sesi libat urus bagi empat kluster pada Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 yang akan diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 29 Februari hingga 2 Mac ini.

Pengerusi PUNB, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, kluster itu ialah Daya Saing Perusahaan Bumiputera, Sosioekonomi Bumiputera Sabah, Sosioekonomi Bumiputera Sarawak serta Felda dan Tanah Wilayah.

"PUNB diberi mandat oleh kerajaan untuk membantu menjayakan agenda besar kerajaan dalam melahirkan usahawan bumiputera dan dalam KEB nanti, PUNB akan terlibat dalam empat kluster untuk dibincangkan mengenai dasar dan hala tujuannya," katanya kepada di sini pada Khamis.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada Rabu berkata, 10 kluster meliputi 10 sektor akan diwujudkan pada KEB 2024 iaitu Reformasi Pendidikan dan Modal Insan; Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional Pilihan Kerjaya Utama dan Pengukuhkan Industri Halal.

Kluster lain ialah Pembangunan Desa dan Pemerksaan Masyarakat Orang Asli; Penciptaan Kekayaan dan Penggunaan Korporat; Daya Saing Perusahaan Bumiputera; Penggunaan Teknologi Baharu; Felda dan Tanah Wilayah; Sosioekonomi Bumiputera Sabah serta Sosioekonomi Bumiputera Sarawak.

Sementara itu, Ketua Pemasaran dan Komunikasi PUNB, Ahmad Nazlee Idris berkata, PUNB telah memberikan pelbagai pandangan dan membentangkan semua

kemajuan PUNB bagi setiap kluster berkenaan pada sesi libat urus KEB edisi sebelum ini.

"Saya harap semua kluster ini berupaya menyumbang suatu resolusi yang boleh dijadikan kayu pengukur kejayaan usahawan Bumiputera pada masa akan datang."

"Segala dapatan akan digarapkan dan insya-ALLAH pihak sekretariat iaitu TERAJU dan MARA (Unit Peneraju Agenda Bumiputera dan Majlis Amanah Rakyat) yang terlibat pada KEB 2024 akan mengeluarkan resolusi untuk dibentangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya.

Berkongsi pengalaman menyertai sesi libat urus KEB sebelum ini, Ahmad Nazlee berkata, hasil pembentangan mengenai kemajuan PUNB telah membawa hasil positif kepada agensi yang ditubuhkan selama 33 tahun itu. - Bernama